



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**BILANGAN 8 TAHUN 2011**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri,  
Semua Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Dan Cawangan

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2011**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan :

- 1.1 Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2011 oleh Kementerian/Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2011; dan

- 1.2 Implikasi yang akan dihadapi oleh Kementerian/Jabatan jika tidak mematuhi tarikh yang ditetapkan.

## **2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN**

Tarikh akhir penyerahan dokumen kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2011 telah ditetapkan seperti berikut:

BULAN	JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR
Disember 2011	Baucar Bayaran Manual	22 Disember 2011
	Dokumen Kewangan eSPKB	27 Disember 2011
Januari 2011 (AKB)	Baucar Bayaran Manual	05 Januari 2012
	Baucar Bayaran eSPKB	05 Januari 2012
	Penyata Pemungut eSPKB	05 Januari 2012
	Baucar Jurnal eSPKB	05 Januari 2012
	Baucar Bayaran (kuiri)	10 Januari 2012
	Waran Peruntukan Manual	12 Januari 2012
	Waran Peruntukan eSPKB	12 Januari 2012

## **3. IMPLIKASI JIKA TIDAK MEMATUHI TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN**

- 3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/bekalan yang diterima dalam tahun 2011 tetapi tidak sempat mengemukakan bayaran sebelum tarikh yang telah ditetapkan, bayaran perlu dicaj kepada Vot tahun 2012. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum bayaran diluluskan; dan

- 3.2 Semua baucar bayaran yang diluluskan oleh Kementerian/Jabatan tetapi ditolak/dikuiri oleh Pejabat Perakaunan, baucar berkenaan hendaklah diproses semula dan diserahkan selewat-lewatnya pada 10 Januari 2012 bagi membolehkan bayaran dibuat dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB). Jika lewat hendaklah dibayar dalam tahun kewangan 2012 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).


#### 4. PENUTUP

- 4.1 Semua Kementerian/Jabatan diminta untuk merancang dengan teliti pengurusan kewangan bagi memastikan penyerahan dokumen kewangan dan semua urusan prosesan waran peruntukan, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2011 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- 4.2 Dokumen-dokumen kewangan yang lewat diterima seperti mana di para 2 akan ditolak dan akan diproses melalui peraturan kewangan semasa.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN**

Akauntan Negara Malaysia

7 Disember 2011

s.k. Ketua Audit Negara